

PM lulus peruntukan segera ^{m/s: 3} RM10j ^{28 JUL 2025} untuk warga Muar

BERITA HARIAN

Muar: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan peruntukan segera berjumlah RM10 juta bagi membantu warga Muar, khususnya golongan B40 di daerah ini.

Beliau berkata, peruntukan berkenaan akan diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Pejabat Daerah Muar bagi memastikan bantuan yang disalurkan bersasar dan memenuhi keperluan sebenar rakyat.

“Saya minta ICU selaraskan, kita tambah keperluan kecil rakyat, terutama yang susah seperti golongan B40.

“Kita luluskan segera RM10 juta dalam seminggu dua ini untuk rakyat,” kata beliau ketika berucap melancarkan sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2025 di Dataran Tanjung Emas, di sini semalam.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, kerjasama erat Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam menjayakan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) menjadikan inisiatif itu sebahagian tonggak kejayaan ekonomi Johor.

Katanya, Johor berada di landasan yang sangat baik berdasarkan pencapaian yang dilakarkan, sekali gus membuktikan usaha yang dilakukan bagi membangunkan negeri berkenaan membuahkan hasil.